

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 05 April 2017 15:47
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Staf Akademik Dinaikkan Pangkat Perlu Bersedia Pikul Tanggungjawab Lebih Besar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



05 APRIL 2017 / 08 REJAB 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

STAF AKADEMIK DINAIKAN PANGKAT PERLU BERSEDIA PIKUL TANGGUNGJAWAB LEBIH BESAR



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak menasihatkan staf akademik yang dinaikkan pangkat supaya bersedia memikul tanggungjawab yang lebih besar yang telah diamanahkan oleh universiti.

Tegas beliau, kenaikan pangkat bukan sekadar satu pengiktirafan atas kecemerlangan yang ditunjukkan tetapi merupakan satu amanah dan tanggungjawab berat yang perlu dilaksanakan.

"Naik pangkat bukan bererti masanya untuk kita relaks dan hanya mahu melakukan kerja yang ringan dan mudah kerana berpendapat telah berusaha kuat sebelum ini.

"Pandangan itu adalah salah dan sikap sebegitu hanya membayangkan bahawa staf berkenaan tidak dapat menggalas tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik," ujar beliau pada Majlis Penyampaian Watikah Kenaikan Pangkat Staf Akademik dan Penjawat Utama di Bilik Senat pagi tadi.

Tambah Naib Canselor lagi, kenaikan pangkat adalah *privileges* kepada mereka yang layak justeru staf tidak perlu khuatir kerana Universiti mempunyai sistem yang telus dalam menguruskan kenaikan pangkat staf.

"Sejak Jun 2010, seramai 426 staf akademik telah menerima kenaikan pangkat. Daripada jumlah itu tiga orang staf akademik dinaikkan pangkat ke VK6, 30 orang VK7, 127 orang DS54 dan DS52 seramai 267 orang.

"Ini membuktikan universiti sentiasa memberi perhatian dan mengiktiraf sumbangan staf akademik. Sehubungan itu saya berharap staf-staf akademik yang menerima kenaikan pangkat dapat menunaikan tanggungjawab yang diberikan dengan baik, ikhlas dan seterusnya membantu melonjakkan lagi nama Universiti Utara Malaysia (UUM) setaraf dengan universiti ternama dunia yang lain," katanya.

Pada majlis itu seramai 13 orang staf akademik menerima watikah kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred DS54, menjadikan bilangan keseluruhan staf akademik bertaraf Profesor Madya telah meningkat kepada 195 orang bersamaan dengan 16.82% dari keseluruhan staf akademik.

Selain itu pada majlis yang sama juga, tiga orang staf akademik turut dilantik sebagai Penjawat Utama Universiti iaitu Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin dilantik sebagai Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif & Seni Persembahan (SCIMPA), Dr. Mohd Kasri Saidon, Pengarah Muzium Pengurusan UUM dan Prof. Madya Dr. Nor Idayu Mahat, Pengarah Pusat Pengujian Pengukuran dan Penilaian (CeTMA).

Hadir sama Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Dekan-dekan dan pegawai-pegawai kanan universiti.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.